

# Undang-undang jaga kebersihan, **Hukum cuci tempat awam**

Oleh **ABDUL GHAFAR ISMAIL**

IPOH, **Ahad** — Kerajaan **mungkin** memperkenalkan undang-undang mewajibkan sesiapa yang didapati bersalah melakukan kekotoran didenda dan dihukum membersihkan kawasan yang mereka kotori, kata **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**.

Menurut Perdana Menteri, cara itu bukan saja dapat memberi pengajaran, tetapi boleh mengubah sikap orang ramai supaya lebih positif berhubung kebersihan persekitaran.

“Langkah ini bukan satu tindakan melalui kerana di negara maju, undang-undang seperti itu sudah dilaksanakan.

“Adakalanya kerajaan terpaksa mengambil tindakan undang-undang untuk mendisiplinkan rakyat supaya mengamalkan kebersihan. **Mungkin** sudah sampai masanya undang-undang seperti itu diperkenalkan di negara,” katanya berucap di majlis pelancaran Program Bersih dan Indah peringkat kebangsaan di padang Dewan Bandaraya Ipoh (DBI) di sini, pagi ini.

Turut sama di majlis yang dihadiri oleh kira-kira 10,000 orang itu ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Lee Kim Sai; Menteri Besar, Tan Sri Haji Ramli Ngah Talib; Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan; Timbalan Menteri, Pem-

bangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Tajol Rosli Ghazali dan Ahli Exco Negeri.

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan rakyat mengubah sikap dengan menjadikan kebersihan sebagai amalan hidup kerana walaupun pelbagai undang-undang diadakan, kerajaan tidak mempunyai cukup tenaga bagi memastikan setiap orang dikenakan tindakan.

Beliau berkata, amalan kebersihan dan keindahan juga mempunyai nilai ekonomi yang mana 10,500 tan metrik sampah yang dibuang setiap hari di negara ini boleh menghasilkan industri penggunaan semula yang menguntungkan.

“Dianggarkan barang terbuang seperti logam, kaca dan kertas jika diproses dan digunakan semula boleh memberi peluang perniagaan lebih \$1 bilion setiap tahun,” katanya.

Perdana Menteri menjelaskan kegiatan Program Bersih dan Indah yang akan dijalankan selama lima tahun berturut-turut akan membuka peluang kepada pelbagai sektor perindustrian yang terbabit dalam kegiatan itu.